

# **MENINJAU HUBUNGAN FAKTOR PENGALAMAN SEDIA ADA NYANYIAN DAN JANTINA TERHADAP TAHAP KOMPETENSI NYANYIAN MURID DI SEKOLAH RENDAH DAERAH BANGSAR/ PUDU**

*Investigating the Relationship between Prior Singing Experiences and Gender Towards the Singing Competency Level among Primary School Students in Bangsar/ Pudu District*

Ashley Chang Wui Ling  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
e-mel: g-38426763@moe-dl.edu.my

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara faktor pengalaman sedia ada nyanyian dan jantina terhadap tahap kompetensi nyanyian murid sekolah rendah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 32 orang responden yang terdiri daripada murid Tahun Dua di sebuah sekolah daerah Bangsar/ Pudu, Kuala Lumpur. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang diadaptasikan daripada *The Edinburgh Lifetime Musical Experience Questionnaire (ELMEQ)* dan satu ujian kompetensi nyanyian. Data kajian yang dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS)* melalui analisis deskriptif, Ujian Khi Kuasa Dua dan Korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi nyanyian responden lelaki dan perempuan bagi tugas memadankan pic ( $\chi^2 = 22.295$ ,  $df = 24$ ,  $p > .05$ ) dan nyanyian lagu ( $\chi^2 = 7.433$ ,  $df = 6$ ,  $p > .05$ ). Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman sedia ada nyanyian responden dengan tahap kompetensi nyanyian mereka ( $r = .151$ ,  $p > .05$ ) yang mana nilai korelasi berada pada tahap yang sangat lemah. Nyanyian bukanlah kemahiran muzik yang bergantung kepada bakat semula jadi sahaja tetapi boleh dipelajari dan ditingkatkan melalui latihan dan sokongan yang positif dan bersesuaian. Oleh itu, guru-guru muzik hendaklah mencari amalan pengajaran yang bersesuaian yang dapat meningkatkan kemahiran nyanyian mereka serta membolehkan mereka menikmati proses penghasilan muzik melalui nyanyian.

**Kata kunci:** pengalaman sedia ada nyanyian, jantina, dan tahap kompetensi nyanyian

## **ABSTRACT**

The purpose of this study is to investigate the relationship between singing experience and gender with the level of singing competency among primary school students. This study utilizes a survey research method. The research sample consists of 32 respondents comprising of Year Two pupils from a primary school in Bangsar/ Pudu, Kuala Lumpur. Research instruments used to collect data consists of a questionnaire adapted from *The Edinburgh Lifetime Musical Experience Questionnaire (ELMEQ)* and a series of singing competency tests. Data collected were analysed using the *Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS)* using descriptive analysis, Chi Square and Pearson Correlation test. Findings show that there is no significant difference between the level of singing competency among male and female respondents for both pitch matching task ( $\chi^2 = 22.295$ ,  $df = 24$ ,  $p > .05$ ) and song singing task ( $\chi^2 = 7.433$ ,  $df = 6$ ,  $p > .05$ ). There is no significant relationship between singing experience and respondents' level of singing competency ( $r = .151$ ,  $p > .05$ ) whereby the correlation value indicates a very weak correlation between the two variables. Singing is not a musical skill that relies on natural talent alone but it can be learned and cultivated through positive and appropriate training and support. Hence, music teachers should find suitable teaching practices which allows students to improve their singing skills as well as enable them to enjoy the music-making process through singing.

**Key words:** prior singing experiences, gender, and singing competency level

## PENGENALAN

Pita suara manusia adalah anugerah yang amat istimewa dan boleh dijadikan suatu alat muzik melalui vokal nyanyian. Tacka dan Houlahan (2015) juga mengatakan bahawa pita suara merupakan alat muzik yang paling mudah diakses oleh sesiapa sahaja. Nyanyian juga memberikan banyak faedah dari aspek fizikal, fisiologikal, sosial, muzikal dan juga pendidikan (Welch, 2012). Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti nyanyian adalah sejenis aktiviti yang amat penting dan kerap dilaksanakan terutamanya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran muzik di sekolah rendah.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Malaysia menekankan penggunaan pendekatan baharu seperti Hiburan Pendidikan (Ratinah Marusin, 2017). Dalam pendekatan ini, guru-guru digalakkan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran yang menyeronokkan seperti bercerita, nyanyian, pergerakan yang sebagainya bagi membantu proses pembelajaran murid-murid dalam bilik darjah. Maka, aktiviti nyanyian sebagai salah satu kaedah didik hibur di dalam bilik darjah berupaya membantu dalam perkembangan mental dan juga emosi murid-murid (Tacka & Houlahan, 2015) dan bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011) untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan bagi murid-murid.

Sebagai seorang guru muzik, kita harus memastikan bahawa murid-murid dapat menggunakan suara sebagai alat muzik semula jadi dalam diri mereka pada tahap yang optimum. Menurut Kodaly Music Institute (n.d), nyanyian memberikan akses secara terus kepada muzik tanpa memerlukan alat muzik dan merupakan kaedah yang paling cepat untuk mempelajari dan menghayati muzik serta memperkembangkan kemahiran-kemahiran muzik. Oleh itu, nyanyian adalah kemahiran muzik asas yang penting untuk dipupuk dengan baik dalam diri setiap kanak-kanak bagi membolehkan mereka mempunyai asas perkembangan muzikal yang baik. Ketepatan pic adalah salah satu kemahiran asas penting dalam nyanyian yang selalu menjadi fokus utama apabila mengajar kanak-kanak untuk menyanyi. Matlamat dalam pendidikan muzik secara umum adalah untuk mengajar murid untuk menyanyi dengan pic yang tepat (Rutkowski & Miller, 2003; Demorest & Clements, 2007; Kendal, 2018).

Berdasarkan pemerhatian saya sebagai guru muzik di sebuah sekolah rendah, saya telah mendapati bahawa terdapat sesetengah murid yang tidak dapat menyanyi dengan intonasi yang baik manakala terdapat sebilangan murid pula yang dapat menyanyi dengan intonasi dan ton suara yang baik. Terdapat juga murid yang tidak pandai menggunakan suara nyanyian mereka. Herbert (2014) juga menyatakan seperti mana-mana keupayaan manusia, perbezaan antara keupayaan muzikal dan nyanyian wujud dalam kalangan kanak-kanak; sesetengah kanak-kanak lebih berupaya daripada kanak-kanak yang lain. Walau bagaimanapun, scenario di mana terdapat murid yang tidak pandai menggunakan suara nyanyian mereka atau tidak dapat menyanyi dengan pic yang tepat merupakan satu masalah yang besar dalam bidang Pendidikan Muzik.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada perbezaan tahap kompetensi nyanyian antara murid. Salah satunya adalah pengalaman sedia ada nyanyian murid yang berbeza. Pengalaman sedia ada nyanyian merujuk kepada pengalaman sedia ada murid yang boleh menyumbang kepada pelaksanaan aktiviti nyanyian seperti bermain alat muzik, penyertaan dalam persembahan nyanyian dan sebagainya. Murid-murid di sekolah berasal daripada pelbagai latar belakang, dan pengalaman sedia ada nyanyian antara murid sudah tentu adalah berbeza. Misalnya, Riegle dan Gerrity (2011) mendapati bahawa pelajar sekolah menengah yang memiliki pengalaman menyertai ensemble muzik atau mempelajari piano mempunyai skor ketepatan pic yang lebih tinggi. Selain itu, Nichols (2016) juga mendapati bahawa pengalaman menghadiri kelas muzik peribadi boleh menyumbang kepada perkembangan kemahiran

nyanyian seperti ketepatan pic vokal. Faktor jantina juga boleh mempengaruhi tahap kompetensi nyanyian kanak-kanak. Welch et.al. (1997) mendapati kanak-kanak lelaki dan perempuan menunjukkan ketepatan pic nyanyian yang agak sama antara umur lima dan tujuh tahun tetapi skor lelaki lebih rendah berbanding perempuan apabila mencapai umur tujuh tahun.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmanakah faktor pengalaman sedia ada nyanyiandan jantina mempengaruhi tahap kompetensi nyanyian murid-murid di sekolah rendah. Melalui kajian ini, guru-guru muzik di sekolah boleh meningkatkan kefahaman dan pemahaman terhadap faktor yang boleh mempengaruhi kompetensi nyanyian kanak-kanak di samping merancang intervensi dan menyusun strategi yang bersesuaian untuk mengatasi masalah nyanyian yang wujud dalam kalangan murid-murid bagi memastikan semua murid boleh mendapatkan manfaat dan pengalaman yang bermakna melalui aktiviti nyanyian.

Usaha ini juga adalah satu usaha untuk mengelakkan guru terpengaruh dengan stigma negatif dalam nyanyian seperti murid kurang berkebolehan dalam nyanyian, dihina, diketepikan atau dilabelkan sebagai murid yang tidak muzikal atau tidak boleh menyanyi. Hal ini boleh menjejaskan motivasi dalam kalangan murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian. Setiap kanak-kanak berpotensi untuk meningkatkan kemahiran muzikal mereka termasuk kemahiran nyanyian. Maka, diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada guru-guru di sekolah terutama guru Pendidikan Muzik untuk mengelakkan daripada menghina keupayaan murid-murid dalam nyanyian.

Soalan-soalan kajian ingin dijawab melalui kajian ini ialah;

1. Sejauhmanakah pengalaman sedia ada nyanyian murid Tahun Dua?
2. Adakah terdapat perbezaan signifikan di antara jantina dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua?
3. Sejauhmanakah hubungan yang signifikan antara pengalaman sedia ada nyanyian dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua?

## **SOROTAN LITERATUR**

Hampir setiap guru muzik sekolah rendah menyedari nilai aktiviti nyanyian sebagai kaedah yang semula jadi dan mudah diakses untuk ekspresi sendiri kepada kanak-kanak (Green, 1987). Pengalaman formatif dalam nyanyian pada peringkat kanak-kanak adalah sangat penting kerana mempunyai impak jangka masapanjang (sama ada positif atau negatif) dalam perkembangan identiti muzikal dan persepsi muzikal diri kita (Welch, 2012). Sebagai pendidik muzik, kita hendak membentuk identiti muzikal murid-murid yang positif dengan mewujudkan pengalaman muzikal yang bermakna. Kajian ini berfokus kepada dua faktor iaitu pengalaman sedia ada nyanyian dan jantina terhadap tahap kompetensi nyanyian terhadap kanak-kanak. Dalam bahagian ini, dapatan-dapatan kajian lalu tentang pengalaman sedia ada nyanyian dan jantina terhadap perkembangan nyanyian kanak-kanak akan dibincangkan.

Pengalaman sedia ada nyanyian kanak-kanak dalam muzik boleh mempengaruhi kompetensi nyanyian mereka. Pernyataan ini disokong oleh Nichols (2016) yang mengkaji ketepatan nyanyian kanak-kanak berumur 9 hingga 10 tahun mendapati bahawa peserta yang pernah menerima kelas muzik peribadi menunjukkan prestasi nyanyian yang lebih tepat daripada yang tidak. Kajian Riegle dan Gerrity (2011) atas pelajar koir sekolah menengah telah mendapati terdapat hubungan antara bilangan tahun pengalaman bermain piano dengan keupayaan memadankan pic di mana, peserta yang memiliki pengalaman yang lamadalam bermain piano memiliki skor memadankan pic yang lebih tinggi. Dalam kajian yang sama, Riegle dan Gerrity (2011) juga mendapati bahawa pelajar yang memiliki pengalaman yang semakin banyak dalam menyertai ensemble koir, skor memadankan pic juga menunjukkan peningkatan. Perkara ini menunjukkan bahawa

pengalaman nyanyian yang banyak akan mendorong kepada kompetensi nyanyian yang lebih tinggi.

Demorest dan Pfordresher (2015) telah mengkaji perbezaan perkembangan ketepatan nyanyian antara dua kumpulan kanak-kanak iaitu peringkat tadika dan sekolah rendah dan sekumpulan dewasa. Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak sekolah rendah menunjukkan ketepatan nyanyian yang lebih baik daripada dewasa kerana kanak-kanak banyak melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian di sekolah sama ada melalui latihan atau pembelajaran di dalam bilik darjah berbanding dengan dewasa yang mungkin kurang melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian. Kemahiran nyanyian akan semakin merosot dari masa ke masa jika penglibatan (dalam aktiviti menyanyi) tidak dikekalkan.

Dalam kajian lain oleh Mang (2007), beliau telah mengkaji tentang pengalaman muzikal terhadap pencapaian dalam nyanyian atas tiga kumpulan dewasa yang mempunyai pengalaman muzikal yang berbeza iaitu pemuzik yang pernah menerima latihan muzikal secara formal, ahli-ahli koir yang tidak pernah menerima latihan muzik tetapi berpengalaman dalam koir serta kumpulan pelajar-pelajar kolej yang tidak mempunyai sebarang pengalaman muzikal. Hasil dapatan kajian ialah, dalam ujian memadankan pic melodik, kumpulan pemuzik menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada dua kumpulan yang lain manakala dalam tugas nyanyian lagu, ahli-ahli koir menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada pemuzik dan pelajar-pelajar kolej. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pengalaman melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian mempunyai perkembangan yang positif terhadap kompetensi nyanyian seseorang individu.

Michaud (2014) telah menjalani satu kajian terhadap guru muzik lelaki dan bapa yang menyanyi serta pengaruh dan hubungannya dengan keupayaan nyanyian kanak-kanak tadika. Peserta-peserta dalam kajiannya terdiri daripada kanak-kanak tadika yang telah menerima pengajaran muzik di mana dua kelas diajar oleh model suara lelaki baritone dan dua kelas diajar oleh model suara lelaki falsetto. Beliau telah mendapati bahawa kekerapan aktiviti nyanyian yang dijalankan oleh bapa dengan anaknya mempunyai hubungan yang positif dengan keupayaan memadankan pic dan renj nyanyian mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman melaksanakan aktiviti nyanyian di rumah bersama-sama ahli keluarga juga mempunyai impak yang besar dan positif terhadap perkembangan nyanyian kanak-kanak.

Jantina juga didapati sebagai satu faktor yang boleh mempengaruhi kompetensi nyanyian kanak-kanak. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan oleh Mang (2006) yang telah mengkaji tentang pengaruh umur, jantina dan bahasa terhadap tahap kompetensi nyanyian kanak-kanak, mendapati bahawa skor nyanyian antara perempuan dan lelaki menunjukkan perbezaan yang signifikan yang mana perempuan secara keseluruhannya memiliki skor yang lebih tinggi berbanding lelaki manakala faktor umur tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap tahap kompetensi nyanyian kanak-kanak. Perkara ini menunjukkan bahawa jantina juga boleh mempengaruhi perbezaan tahap kompetensi nyanyian dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam satu kajian longitudinal yang dijalankan oleh Leighton dan Lamont (2001) untuk mengkaji peringkat pencapaian nyanyian sebenar kanak-kanak dalam pelbagai tugas nyanyian. Kajian tersebut mendapati bahawa lelaki menunjukkan prestasi yang lemah apabila menyanyi secara berkumpulan berbanding secara individu manakala perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik dan tepat dalam kedua-dua mod iaitu berkumpulan dan solo.

Welch et al. (2011) mendapati kemahiran nyanyian perempuan adalah lebih matang berbanding lelaki pada setiap peringkat umur apabila menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan program nyanyian peringkat kebangsaan di England yang dipanggil program "Sing Up" (2007-2011) untuk kanak-kanak sekolah rendah. Perbezaan kematangan nyanyian antara lelaki dan perempuan didapati semakin menurun pada peringkat umur yang lebih besar (Welch et al., 2011). Kajian ini ingin mengkaji sejauhmanakah faktor

pengalaman sedia ada nyanyian dan jantina boleh mempengaruhi kompetensinyanyian kanak-kanak sekolah rendah dalam konteks masyarakat di Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan untuk meninjau hubunganfaktor pengalaman sedia ada nyanyian dan jantina terhadap tahap kompetensi nyanyian murid sekolah rendah. Responden kajian telah dipilih melalui persampelan bertujuan yang mana terdiri daripada murid-murid Tahun Dua di sebuah sekolah rendah di daerah Bangsar/ Pudu, Kuala Lumpur.

Kajian ini telah menggunakan dua jenis instrumen kajian untuk mengumpulkan data iaitu soal selidik dan ujian kompetensi nyanyian. Sebuah soal selidik telah dibangunkan untuk mengumpulkan maklumat berkenaan dengan pengalaman sedia ada nyanyian responden kajian. Item-item dalam soal selidik adalah diadaptasikan daripada *The Edinburgh Lifetime Musical Experience Questionnaire* (ELMEQ) yang dibangunkan oleh Okely et al. (2021). Soal selidik ini telah diadaptasikan dan disesuaikan dengan konteks persoalan kajian dan juga responden kajian ini. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian yang terdiri demografi responden, permainan alat muzik, pengalaman nyanyian dan juga amalan mendengar muzik. Soal selidik ini telah diedarkan kepada semua responden kajian untuk dijawab. Setiap item-item pada soal selidik telah dijelaskan kepada responden bagi memastikan mereka memahami arahan dan kehendak setiap item dalam soal selidik dan menjawabnya secara jujur dan tepat.

Instrumen ujian kompetensi nyanyian juga digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui tahap kompetensi nyanyian responden. Ujian ini terdiri daripada dua tugas nyanyian (*singing tasks*) iaitu tugas memadankan pic dan tugas nyanyian lagu yang dibina untuk menguji dan menilai tahap kompetensi nyanyian responden. Tugas memadankan pic mengandungi tiga jenis item iaitu item satu pic, jeda dan corak yang mana dapat menilai tahap ketepatan pic responden dalam nyanyian. Dalam tugas ini, responden kajian perlu mengajuk pic rakaman audio bagi setiap item yang diperdengarkan. Tugas nyanyian lagu dilaksanakan untuk melihat tahap ketepatan nyanyian dan penggunaan suara nyanyian responden kajian. Dalam tugas ini, responden kajian dikehendaki menyanyikan sebuah lagu kanak-kanak mudah iaitu “Bapaku Pulang” tanpa iringan muzik. Nyanyian responden dinilai berdasarkan Skala Ketepatan Nyanyian (*Singing Accuracy Scale*) oleh Wise dan Sloboda (2008) untuk menilai ketepatan nyanyian lagu.

Penganalisan data telah dilaksanakan melalui dua cara iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Analisis deskriptif iaitu min dan peratusan digunakan untuk meninjau sejauhmanakah pengalaman sedia ada nyanyian responden kajian manakala bagi analisis inferensi, ujian Khi Kuasa Dua untuk kebebasan digunakan untuk mengkaji perbezaan tahap kompetensi nyanyian antaresponden lelaki dan perempuan. Ujian Korelasi Pearson juga digunakan untuk menganalisis hubungan antara faktor pengalaman sedia ada nyanyian dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada 32 orang responden yang berumur lapan tahun. Daripada 32 orang responden, 15 responden adalah lelaki dan 17 orang responden adalah perempuan. Dapatan kajian ini akan dibincangkan berdasarkan soalan kajian yang dikemukakan.

### **Sejauhmanakah pengalaman sedia ada nyanyian murid Tahun Dua?**

Pengalaman sedia ada nyanyian responden dilihat dari segi umur responden bermula bermain alat muzik dan juga umur mereka bermula menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran.

### **Jadual 1**

*Taburan umur responden bermula belajar bermain alat muzik*

	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak bermain alat muzik	21	65.6
7 - 8 tahun	5	15.6
5 - 6 tahun	4	12.5
0 - 2 tahun	2	6.3
Jumlah	32	100.0

Berdasarkan Jadual 1, didapati seramai 21 responden iaitu 65.6% daripada keseluruhan responden tidak bermain alat muzik. Responden yang bermula bermain alat muzik antara umur 0 hingga 2 tahun adalah seramai dua responden sahaja iaitu 6.3% manakala responden yang bermula bermain alat muzik antara umur lima hingga enam tahun adalah seramai empat orang responden iaitu sebanyak 12.5% daripada semua responden. Terdapat seramai lima orang responden yang bermula bermain alat muzik antara umur tujuh hingga lapan tahun iaitu sebanyak 15.6% daripada jumlah responden.

### **Jadual 2**

*Taburan umur responden bermula menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran*

	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak menyanyi dalam kumpulan	20	62.5
7 - 8 tahun	3	9.4
5 - 6 tahun	6	18.8
3 - 4 tahun	2	6.3
0 - 2 tahun	1	3.1
Jumlah	32	100.0

Berdasarkan Jadual 2, taburan umur responden yang bermula menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran antara umur 7-8 tahun adalah seramai 3 orang iaitu sebanyak 9.4% daripada jumlah responden. Majoriti daripada responden yang menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran iaitu seramai 6 orang responden (18.8%) mula menyanyi dalam kumpulan tersebut antara umur 5 hingga 6 tahun. Sebanyak 6.3% daripada jumlah responden mula menyanyi antara umur 3 hingga 4 tahun manakala hanya seorang responden (3.1%) yang mula menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran antara umur 0 hingga 2 tahun.

### **Adakah terdapat perbezaan signifikan antara jantina dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua?**

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua yang dijalankan untuk melihat perbezaan antara tahap kompetensi nyanyian antara responden perempuan dan lelaki bagi tugas memadamkan pic.

### Jadual 3

Frekuensi tahap kompetensi nyanyian bagi tugas memadankan pic berdasarkan jantina responden

	Nilai	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	22.295 <sup>a</sup>	24	.562
Likelihood Ratio	30.373	24	.173
Linear-by-Linear Association	1.868	1	.172
N of Valid Cases	32		

Nilai p bagi ujian Khi Kuasa Dua Pearson ialah .562 iaitu  $p > .05$  ( $\chi^2 = 22.295$ ,  $df = 24$ ,  $p > .05$ ). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kompetensi nyanyian bagi tugas memadankan pic yang signifikan antara responden perempuan dan lelaki.

### Jadual 4

Frekuensi tahap kompetensi nyanyian bagi tugas nyanyian lagu berdasarkan jantina responden

	Nilai	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	7.433 <sup>a</sup>	6	.283
Likelihood Ratio	10.111	6	.120
Linear-by-Linear Association	4.070	1	.044
N of Valid Cases	32		

Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai p ialah .283, iaitu  $p > .05$  ( $\chi^2 = 7.433$ ,  $df = 6$ ,  $p > .05$ ). Keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan bagi tugas nyanyian lagu antara responden perempuan dan lelaki.

### Sejauhmanakah hubungan yang signifikan antara pengalaman sedia ada nyanyian dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua?

Hubungan antara pengalaman sedia ada nyanyian dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua telah dianalisis menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Bagi mengenal pasti tahap kekuatan korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut, berikut merupakan jadual aras kekuatan nilai Pekali Korelasi yang diadaptasi daripada Chua (2022) yang menunjukkan julat saiz pekali korelasi (nilai r) dengan aras kekuatan korelasinya.

### Jadual 5

Nilai Pekali Kolerasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan korelasi
.91 hingga .99 atau -.91 hingga -.99	Sangat kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.03	Sangat Lemah
.00	Tiada korelasi

Nota. Adaptasi daripada Asas Statistik Penyelidikan Buku 2 (m/s 326), oleh Chua, 2022 Malaysia. Hak Cipta (2022) oleh McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

## Jadual 6

Taburan korelasi pengalaman sedia ada nyanyian dan tahap kompetensi nyanyian murid Tahun Dua

Tahap kompetensi nyanyian		
Pengalaman sedia ada	<i>Pearson Correlation</i>	.151
nyanyian	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.409

Berdasarkan Jadual 6, nilai korelasi adalah  $r=.151$ ,  $p>.05$  yang mana nilai korelasi berada pada aras yang sangat lemah. Perkara ini menunjukkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara pengalaman sedia ada nyanyian dan tahap kompetensi nyanyian responden. Pengalaman sedia ada nyanyian responden tidak mempengaruhi tahap kompetensi nyanyian mereka.

## PERBINCANGAN

Kajian ini telah meninjau hubungan pengalaman sedia ada nyanyian dan jantina terhadap tahap kompetensinyanyian murid Tahun Dua. Berdasarkan dapatan-dapatan daripada kajian ini, didapati bahawa majoriti daripada responden iaitu sebanyak 65.5% daripada jumlah responden tidak bermain alat muzik. Dalam kalangan responden yang bermain alat muzik, kebanyakan daripada responden iaitu seramai lima daripadasebelas responden yang bermain alat muzik bermula bermain alat muzik pada umur tujuh hingga lapan tahun. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden mempunyai pengalaman bermain alat muzik selama satu tahun atau kurang.

Selain itu, didapati juga bahawa sebanyak 62.5% dari jumlah responden tidak memiliki pengalaman menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran manakala hanya 37.5% daripada jumlah responden pernah menyertai nyanyian kumpulan koir atau kugiran. Daripada jumlah murid yang pernah menyanyi dalam kumpulan koir dan kugiran, seramai enam orang responden mula menyertai kumpulan koir atau kugiran antara umur lima hingga enam tahun manakala seramai tiga orang responden mula menyanyi secara berkumpulan dari umur tujuh hingga lapan tahun. Dua orang responden mula menyanyi dalam kumpulan dari umur tiga hingga empat tahun dan seorang responden yang pernah menyanyi secara berkumpulan antara umur 0 hingga dua tahun. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik ini, didapati bahawa majoriti daripada responden kajian tidak mempunyai pengalaman menyanyi dalam kumpulan koir atau kugiran. Maka, di sini, boleh dikatakan bahawa pengalaman responden menyanyi secara berkumpulan masih beradapada tahap yang kurang.

Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dan tahap kompetensi nyanyian bagi kedua-dua tugas nyanyian iaitu tugas memadankan pic dan tugas nyanyian lagu ( $\chi^2 = 22.295$ ,  $df = 24$ ,  $p > .05$ ;  $\chi^2 = 7.433$ ,  $df = 6$ ,  $p > .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pencapaian kompetensi nyanyian bagi responden perempuan dan lelaki lebih kurang sama. Welch dan Sergeant (1997) mendapati bahawa keupayaan kanak-kanak perempuan dan lelaki untuk memadankan pic adalah sama pada peringkat awal kanak-kanak iaitu dari umur lima hingga tujuh tahun dan perbezaan yang lebih ketara antara jantina dapat dilihat apabila kanak-kanak mencapai umur lapan tahun. Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan di negara Barat yang mana kanak-kanak di situ menunjukkan perkembangan nyanyian yang lebih cepat berbanding kanak-kanak di negara Asia (Welch et al., 2009). Maka, dalam konteks kajian ini, perbezaan kompetensi nyanyian antara jantina dalam kalangan responden masih kurang ketara pada peringkat umur ini mungkin disebabkan tahap perkembangan yang berbeza berbanding kanak-kanak di negara Barat.



Saiz sampel kajian yang terlalu kecil mungkin salah satu faktor perbezaan yang kurang signifikan antara tahap kompetensi nyanyian responden perempuan dan lelaki. Faber dan Fonseca (2014) mengatakan bahawa sampel yang terlalu kecil boleh menjejaskan kesahan dalaman dan luaran sesuatu kajian. Oleh itu, saiz sampel yang lebih besar perlulah digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih tepat kerana sampel yang besar mampu mengubah perbezaan yang kecil kepada perbezaan yang signifikan secara statistik (Faber & Fonseca, 2014).

Seterusnya, tahap korelasi antara pengalaman sedia ada nyanyian responden dan tahap kompetensi nyanyian mereka berada pada tahap yang sangat lemah. Dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan-dapatan kajian lepas yang mana menunjukkan hubungan yang positif antara pengalaman muzikal kanak-kanak dengan kompetensi nyanyian (Michaud, 2014; Nichols, 2016; Riegle & Gerrity, 2011; Demorest & Pfordresher, 2015; Mang, 2007). Hal ini mungkin dipengaruhi oleh saiz sampel kajian yang terlalu kecil maka, saiz sampel yang lebih besar diperlukan untuk memastikan kesahan pada dapatan kajian.

Di samping itu, meminta kanak-kanak untuk menjawab soal selidik sebagai cara meninjau pengalaman sedia ada nyanyian mereka mungkin tidak dapat memberikan gambaran yang jelas dan terperinci tentang pengalaman muzikal mereka termasuk dari segi amalan-amalan muzik dan nyanyian yang dijalankan di rumah sama ada secara formal atau informal. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam pemberian maklumat berkenaan aktiviti nyanyian yang dijalankan di rumah bersama anak-anak amat bermanfaat dan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas berkenaan pengalaman sedia ada nyanyian responden dari segi amalan-amalan nyanyian dan aktiviti muzikal di rumah.

Cadangan untuk kajian lanjut adalah untuk melibatkan sampel kajian yang lebih besar untuk memperolehi data yang lebih tepat dan komprehensif berkenaan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tahap kompetensi nyanyian kanak-kanak. Dengan ini, kajian pada masa depan boleh mengambil kira penglibatan ibu bapa atau ahli keluarga responden dalam pemberian maklumat berkenaan pengalaman muzik dan aktiviti nyanyian yang dilaksanakan di rumah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh tentang pengalaman muzikal kanak-kanak.

Kajian tentang strategi dan pendekatan pengajaran nyanyian untuk kanak-kanak juga boleh dilaksanakan. Perkara ini membolehkan guru-guru muzik di sekolah mengaplikasikan teknik pengajaran yang bersesuaian untuk mengatasi masalah-masalah nyanyian yang biasa berlaku dalam kalangan murid di sekolah di samping meningkatkan penglibatan dan minat murid dalam aktiviti nyanyian di sekolah.

## **RUMUSAN**

Kesimpulannya, terdapat beberapa perkara dan aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh seorang gurumuzik apabila ingin memupuk kemahiran nyanyian dalam kalangan murid di sekolah rendah. Pertama sekali, guru-guru muzik seharusnya mengubah persepsi terhadap stigma sosial dalam nyanyian hanya untuk mereka yang berbakat sahaja.

Setiap murid tidak kira perbezaan latar belakang dan pengalaman mempunyai kebolehan untuk meningkatkan kemahiran nyanyian dengan latihan dan strategi pengajaran yang betul dan sesuai. Menurut Pagryzinski (2017), guru haruslah membantu murid untuk menyedari bahawa nyanyian adalah satu kemahiran yang boleh dipelajari dan bukanlah bakat semula jadi yang dimiliki oleh sesetengah orang sahaja.

Guru-guru hendak mencari amalan pengajaran yang bersesuaian untuk memastikan kemahiran nyanyian murid dapat ditingkatkan serta membolehkan mereka menikmati proses penghasilan muzik melalui nyanyian. Strategi dan amalan pengajaran nyanyian seperti nyanyian secara berkumpulan kecil, bimbingan secara berterusan, penggunaan teknik solfa adalah antara pendekatan yang boleh digunakan oleh guru muzik sebagai cara untuk meningkatkan kemahiran nyanyian murid termasuklah dari segi ketepatan pic.

Pembentukan minat dan persepsi yang positif terhadap nyanyian dalam kalangan murid adalah sangat penting dan perlu dilaksanakan sejak dari peringkat awal persekolahan. Pendidik Muzik perlu menyediakan pengalaman nyanyian untuk semua murid yang membolehkan mereka untuk menyertai dan melibatkan diri secara berterusan dalam nyanyian (Demorest & Pfordresher, 2015). Apabila kanak-kanak mempunyai pengalaman yang positif dan bermakna dalam nyanyian, kecenderungan untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti ini adalah lebih tinggi dan kerap.

## RUJUKAN

- Chua, Y. P. (2022). *Asas statistik penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Demorest, S. M., & Clements, A. (2007). Factors influencing the pitch-matching of junior high boys. *Journal of Research in Music Education*, 55(3), 190-203. <https://doi.org/10.1177/002242940705500302>
- Demorest, S. M., & Pfordresher, P. Q. (2015). Singing accuracy development from K-adult. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, 32(3), 293-302. <https://doi.org/10.1525/mp.2015.32.3.293>
- Faber, J., & Fonseca, L. M. (2014). How sample size influences research outcomes. *Dental Press Journal of Orthodontics*, 19(4), 27-29. <https://doi.org/10.1590/2176-9451.19.4.027-029.ebo>
- Green, G. A. (1987). *The effect of vocal modeling on pitch-matching accuracy of children in grades one through six* [Doctoral dissertation]. [https://digitalcommons.lsu.edu/gradschool\\_disstheses/4357](https://digitalcommons.lsu.edu/gradschool_disstheses/4357)
- Herbert, R. (2014). *Singing competency and language abilities in children* [Master's thesis]. [http://ir.lib.uwo.ca/psych\\_uht](http://ir.lib.uwo.ca/psych_uht)
- Houlahan, M., & Tacka, P. (2015). Children as performers: Singing, movement and playing instruments in the elementary music classroom. In *Kodály today: A cognitive approach to elementary music education* (pp. 71-114). Oxford University Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kendal, J. L. (2018). *The effects of with-text and without-text song presentation styles on preschoolers' singing voice use and pitch accuracy* [Doctoral dissertation]. ProQuest Dissertations and Theses Global.
- Kodaly Music Institute. (n.d.). *KMI's mission*. Kodály Music Institute. <https://kodalymusicinstitute.org/about-kodaly-music-institute>
- Leighton, G., & Lamont, A. (2006). Exploring children's singing development: Do experiences in early schooling help or hinder? *Music Education Research*, 8(3), 311-330. <https://doi.org/10.1080/14613800600957461>
- Mang, E. (2006). The effects of age, gender and language on children's singing competency. *British Journal of Music Education*, 23(2), 161-174. <https://doi.org/10.1017/s0265051706006905>

- Mang, E. (2007). Effects of musical experience on singing achievement. *Bulletin of the Council for Research in Music Education*, 9(174), 75-92. <https://doi.org/10.1080/14613800601167102>
- Marusin, R. B. (2017). *The usefulness of singing as a teaching method among Islamic education teachers in Malaysia* [Unpublished master's thesis]. International Islamic University Malaysia.
- Michaud, B. G. (2014). *Male music teachers and sing fathers: Effects on and correlations with kindergarten children's singing abilities* [Doctoral dissertation]. <https://hdl.handle.net/2144/11146>
- Nichols, B. E. (2016). Task-based variability in children's singing accuracy. *Journal of Research in Music Education*, 64(3), 309-321. <https://doi.org/10.1177/0022429416666054>
- Okely, J. A., Deary, I. J., & Overy, K. (2021). The Edinburgh lifetime musical experience questionnaire (ELMEQ): Responses and non-musical correlates in the Lothian birth cohort 1936. *PLOS ONE*, 16(7), e0254176. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0254176>
- Pagryzinski, J. (2017). *Everyone can: Elementary children's perceptions of singing* [Unpublished doctoral dissertation]. University of Michigan, Ann Arbor, MI.
- Riegle, A. M., & Gerrity, K. W. (2011). The pitch-matching ability of high school choral students. *Update: Applications of Research in Music Education*, 30(1), 10-15. <https://doi.org/10.1177/8755123311418618>
- Rutkowski, J., & Snell Miller, M. (2003). A longitudinal study of elementary children's acquisition of their singing voices. *Update: Applications of Research in Music Education*, 22(1), 5-14. <https://doi.org/10.1177/87551233020220010401>
- Welch, G. F. (2009). Evidence of the development of vocal pitch matching ability in children. *Japanese Journal of Music Education*, 39(1), 38-47. <https://www.researchgate.net/publication/239930318>
- Welch, G. F. (2012). *The benefits of singing of children*. Sing Up. <https://www.researchgate.net/publication/273428150>
- Welch, G. F., Himonides, E., Saunders, J., Papageorgi, I., Rinta, T., Preti, C., Stewart, C., Lani, J., & Hill, J. (2011). Researching the first year of the national singing programme sing up in England: An initial impact evaluation. *Psychomusicology: Music, Mind and Brain*, 21(1-2), 83-97. <https://doi.org/10.1037/h0094006>
- Welch, G. F., Sergeant, D. C., & White, P. J. (1997). Age, sex and vocal task as factors in singing 'in-tune' during the first years of schooling. *Bulletin of the Council for Research in Music Education*, 113, 153-160.
- Wise, K. J., & Sloboda, J. A. (2008). Establishing an empirical profile of self-defined "tone deafness": Perception, singing performance and self-assessment. *Musicae Scientiae*, 12(1), 3-26. <https://doi.org/10.1177/102986490801200102>